



USM UNIVERSITI
SAINS
MALAYSIA

APEXTM



PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN

SEMESTER 5

SIDANG AKADEMIK 2019/2020

PGT 223 - KAEDAH MENGAJAR GEOGRAFI 1

**TUGASAN – LAPORAN STATUS YANG DIMUATNAIK DI
MEDIA SOSIAL**

DISEDIAKAN OLEH :

AINA FATIAH BINTI GHAZALI (136332)

NAMA PENSYARAH

PM Dr. AZIAH BINTI ISMAIL (AI)

WAKTU TUTORIAL

RABU (10.00 AM - 11.00)

1.0 PENGENALAN

Seiring dengan peredaran masa yang pantas berubah, perkembangan teknologi maklumat juga semakin hari mengalami rentak perubahan yang pantas. Penggunaan Internet meningkat dengan pesat dan mempengaruhi gaya hidup masyarakat masa kini. Kewujudan Internet sebagai media baru pada hari ini sudah menjadi salah satu komponen utama dalam kehidupan seharian kita dan akan menjadi lebih penting lagi pada masa akan datang. Melalui teknologi tanpa sempadan ini, segala maklumat yang diperlukan kini hanya berada di hujung jari. Rangkaian media sosial telah mengubah cara kita berkomunikasi kerana ia bergerak tanpa sempadan atau batasan waktu walau di mana sahaja kita berada.. Maka wujudnya masyarakat maya yang bergerak secara dalam talian atau online. Laman rangkaian sosial seperti Facebook, Twitters, Friendster, Instagram, Blogspot, YouTube adalah contoh-contoh media sosial yang sangat tinggi penggunaannya pada masa kini. Seakan telah menjadi satu kemestian bagi pengguna Internet hari ini untuk melayari laman rangkaian sosial ini untuk mereka berkomunikasi, bertukar-tukar pandangan, berkongsi pendapat dan minat, memuat naik dan memuat turun video atau gambar di samping membincangkan isu-isu semasa secara santai dan terbuka.

Selain itu, isu-isu semasa terutamanya mengenai kelestarian alam sekitar sewajarnya menggunakan media sosial seperti facebook, Instagram dan lain-lain media sebagai platform untuk menyampaikan maklumat dan memberi pendedahan kepada masyarakat. Keadaan ini berlaku kerana hampir keseluruhan masyarakat mempunyai telefon pintar dan sentiasa menggunakan telefon pintar yang mempunyai banyak media sosial dan kini dianggap sebagai satu keperluan kepada masyarakat untuk mempunyai media sosial. Masyarakat kini

kurang untuk mendapatkan maklumat seperti isu-isu semasa mahupun berita terkini melalui bahan bercetak seperti surat khabar dan buku. Hal ini kerana segala maklumat mengenai isu semasa dan berita terkini segalanya sudah ada dalam talian iaitu segalanya ada di hujung jari.

Oleh itu, tugas ini menugaskan saya untuk membuat dua status yang dimuat naik di media sosial iaitu facebook berkenaan dengan isu-isu kelestarian. Hal ini bertujuan untuk menyampaikan maklumat kepada masyarakat dengan bahasa yang mudah dan bertujuan untuk mendapatkan maklum balas daripada pengguna media sosial mengenai isu-isu kelestarian seterusnya dapat memberikan kesedaran kepada masyarakat. Saya memilih untuk memuat naik status di facebook kerana media sosial tersebut amat dekat dengan masyarakat dalam pelbagai lapisan umur masyarakat. Sebagai seorang bakal pendidik, kita tidak hanya menyampaikan maklumat hanya dalam bilik darjah dan kepada murid-murid sekolah sahaja, tetapi, kita juga perlulah menjadi seorang pendidik kepada masyarakat dengan menyampaikan maklumat iaitu melalui media sosial seperti facebook yang dianggap sebagai platform untuk mendidik masyarakat berkenaan isu-isu semasa kelestarian supaya kesedaran untuk mencintai alam sekitar iaitu dari sudut fizikal, sosial mahupun ekonomi dapat dipupuk.

BUKTI HANTARAN PERTAMA

Aina Fatihah is at Universiti Sains Malaysia - USM Penang. September 25 at 8:39 PM · Pinang · 🌐

Assalamualaikum , 你好 Nihào!
👋👋👋 Hallo !

Korang tahu ke apa kepentingan air sebenarnya ya? Haa, jom kita bincang sama-sama ! Sihat pun sama2 !

📌 Air merupakan bahan kedua terpenting dalam tubuh manusia selepas oksigen. Alamak ! Tambahan pula, lebih 70 peratus daripada tubuh manusia terdiri daripada air. Cecair ini mempunyai pelbagai fungsi penting dalam memastikan tubuh sentiasa sihat dan cergas


Betul ke ni ? Jadi apa kepentingannya kepada tubuh badan kita ya? Jom baca lagi !!!

📌 Tubuh memerlukan air untuk mengawal suhu badan, membekalkan nutrien dan oksigen, menyalurkan bahan buangan, melarutkan vitamin serta mineral.

Ingat ya kalian semua ! 😊

📌 Minum air perlu dijadikan rutin dan perlu diminum lebih awal sebelum tekak berasa haus. Sukatannya mengikut keperluan individu, tetapi dicadangkan seseorang itu mengambil antara enam hingga lapan gelas sehari.

Adakah anda semua dah buat begitu !??
Jom bincang ! Adakah anda bersetuju dengan kenyataan di atas?
#dunialestarikamipedul
#tutorialdraziah1011



Jom bincang ! Adakah anda bersetuju dengan kenyataan di atas?
#dunialestarikamipedul
#tutorialdraziah1011



You, Nuri Lacatta, Shahirah Sukri Shasha and 85 others · 40 Comments

Love Comment Share

Luqman Ismail Perkongsian sgt menarik dan info sgt berguna mengenai air.
Love Reply · 2w

Aina Fatihah Semoga mampu memberi manfaat kepada cikgu Luqman Ismail 😊

Dalili Dahlia ooooo baik2. info yang menarik. Cantik jugak gambar tu
Love Reply · 2w

Aina Fatihah Terima kasih ya. Jangan lupa minum air kosong terutama ketika musim panas !
Like Reply · 2w

Shahirah Sukri Shasha good sharing nana.... tapi kalau botol naa tuu tak cukup utk kkskaa hahaha
Love Reply · 2w

Aina Fatihah hahaha. betul tu kak sha sayang . Ia bergantung kepada aktiviti seharian kita sebenarnya . Kalau bakal ibu ni, memang penting laa minum air kosong banyak2 ter.
Like Reply · 2w

Aisyah Munirah Yoko mg minum air masuk skmo ?
Haha Reply · 2w

Aina Fatihah ya. Saya juga menegur diri saya sendiri dan berkongsi dengan teman teman lain . HAHAHA
Like Reply · 2w

Amirah Mohamed jolo ko minum air masuk skmo hahah?
Wow Reply · 2w

Aina Fatihah Bila tahu kepentingannya, InsyAllah kita sama2 mengambil tindakan . hehe

Nurul Farhan Razali Nice... Good for our health... 🍷🍷🍷 good job!!!!
Love Reply · 2w

Aina Fatihah Thank you !!
Like Reply · 2w

Nur Alia lagi satu aina, jumlah air juga perlu ikut berat danaktiviti seharian kita juga..thanks for the really good reminder aina
Love Reply · 2w

Aina Fatihah saya bersetuju dengan pendapat Nur Alia. Terutama kepada individu yang bekerja yang kerap mengeluarkan peluh dan perlukan tenaga yang banyak untuk melakukan aktiviti seharian. Thank you for your sharing too ,
Like Reply · 2w

Aiesha Sofhea Yess betul sgt.. Good info meknab 🍷 Kurangkn minum air manis, bykkn minum air kosong. Its a good for our healthy 😊
Love Reply · 2w

Aina Fatihah Terima kasih ! Ya, kalau boleh bawa air kosong selalu dari rumah jika ingin keluar bersama teman ke kbmali dan sebagainya . hahahha.
Like Reply · 2w

Aiesha Sofhea Aina Fatihah Sama2 kasih.. Of course. Like me ! 🍷🍷
Love Reply · 2w

Love · Reply · 2w

Nor Ain Nadia

 Love · Reply · 2w

Aina Fatihah

 Like · Reply · 2w

Farez Aiman Air sememang penting kepada tubuh badan manusia malah air juga menjadi kepentingan bagi tumbuhan... Jika tiada air seluruh kehidupan bumi akan mati kerana kekeringan huhu
 Love · Reply · 2w

Aina Fatihah Tepat sekali cikgu Farez Aiman. Air merupakan unsur kedua yang paling penting selepas oksigen. Thank you atas pendapat fariz !
 Like · Reply · 2w

Fakhrul Farhan Yaaa tepat sekali .. saya setuju dengan aina
 Love · Reply · 2w

Aina Fatihah Haha ! Terima kasih bob ! Sama2 kita kongsi .
 Like · Reply · 2w

Ajera Izzati kita mmg perlu minum air kosong yg mencukupi baik

Ajera Izzati kita mmg perlu minum air kosong yg mencukupi baik utk badan dn juga muka. tq aina info yg baik
 Love · Reply · 2w

Aina Fatihah Wah ! Benar, saya bersetuju ! nak cantik, kena maksimumkan minum air kosong 🥰. Kurangkan air manis terutamanya yang bergas untuk kekal sihat dan sentiasa cantik !
 Like · Reply · 2w

Dalili Dahlia Aina Fatihah bagaimana dgn makan ayam mcd spicy? sihat ke?
 Sad · Reply · 2w

View 1 more reply

Aii Reen Perkongsian yang menarik. Air amat penting bagi manusia dan haiwan kerana tanpa air kita tak blh hidup 🙌
 Love · Reply · 2w

Aina Fatihah Aii Reen Chua setuju dengan pendapat cikgu aii reen. Air ialah unsur kedua yg terpenting selepas oksigen. Terima kasih
 Like · Reply · 2w

Aii Reen Aina Fatihah setuju cikgu Aina 🙌
 Like · Reply · 2w

Fatin Zulkeflee Thankyou for the good sharing 🥰👍👍
 Love · Reply · 2w

Aii Reen Aina Fatihah setuju cikgu Aina 🙌
 Like · Reply · 2w

Fatin Zulkeflee Thankyou for the good sharing 🥰👍👍
 Love · Reply · 2w

Aina Fatihah Fatin Zulkeflee thank you tooo 🙌
 Like · Reply · 2w

Razna Balahuddin Menarik fakta yang dikongsikan oleh saudari.. Air sememangnya amat penting dlm khidupan seharian manusia.
 Love · Reply · 2w

Aina Fatihah Razna Balahuddin terimaa saudari. Sama2 kita kekalkan hidrasi dalam tubuh badan kita 😊
 Like · Reply · 2w

Thomas Vargis Perkongsian yg menarik, air nadi manusia
 Love · Reply · 1w

Aina Fatihah Thomas Vargis thank you thomas. Apa khabar thomas ? Lama x tngk ? Hmm
 Like · Reply · 1w

Thomas Vargis Aina Fatihah sihat wal fiat
 Like · Reply · 1w

Aina Fatihah Thomas Vargis take care thomas. Kalau

2.0 ANALISIS HANTARAN PERTAMA

Hantaran pertama adalah isu kelestarian berkenaan dengan kepentingan air untuk kesihatan manusia. Saya telah mendapat 88 likes dan 40 komen daripada pengguna media sosial iaitu dalam kalangan ahli keluarga, kawan-kawan terdekat ,dan juga rakan-rakan media sosial berkenaan dengan status pertama yang telah dimuat naik pada 25 September 2019 di laman media sosial facebook. Maklum balas yang saya dapat melalui hantaran pertama iaitu kepentingan air untuk kesihatan manusia adalah merangkumi pelbagai aspek iaitu dapat dilihat bahawa hampir 90 % responden bersetuju dengan kenyataan mengenai kepentingan air untuk kesihatan manusia. 10% daripada pengguna media sosial yang memberi maklum balas secara peribadi iaitu daripada ahli keluarga yang memberi komen dengan meminta pengakuan saya berkenaan dengan perkara yang ditulis iaitu berkaitan dengan pentingnya air untuk kesihatan manusia. Antara komen yang dikemukakan ialah “ betulkah, kamu selalu minum air masak?”. Saya dapati mereka memberikan komen seperti ini untuk melihat dan mengetahui sejauh mana saya mengambil perhatian terhadap isu yang saya bincangkan dan bukan hanya sekadar tulisan dan menyampaikan maklumat kepada orang lain sahaja.


Seterusnya, hantaran pertama saya berkenaan dengan isu kepentingan air terhadap kesihatan manusia telah mendapatkan maklum balas iaitu hampir 90% daripada rakan-rakan. Saya mendapati mereka juga mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap isu yang dibincangkan. Buktinya, ada dalam kalangan mereka yang tidak hanya memberikan komen tanda menghargai peringatan yang saya berikan, malah, mereka juga memberi maklumat tambahan berkenaan dengan kepentingan air terhadap kehidupan manusia. Buktinya, mereka memberi komen seperti “ *jumlah air perlulah mengikut berat dan aktiviti seharian kita* ”, “*air sememangnya penting kepada tubuh manusia malah air juga menjadi kepentingan terhadap tumbuhan, jika tiada air*

seluruh kehidupan bumi akan mati kerana kekeringan dan ketiadaan air” dan “ *kita perlu minum air kosong yang mencukupi baik untuk badan dan muka*”. Selibhnya, mereka memberikan komen yang bersetuju dengan hantaran saya berkenaan dengan kepentingan air terhadap kehidupan manusia iaitu mereka membuat penghargaan terhadap perkongsian saya berkenaan dengan kepentingan air kepada kehidupan manusia. Mereka memberi komen seperti “ *Thank you for the good sharing*”, “*Perkongsian yang menarik, air nadi manusia*”, “ *Kurangkan minum air manis, banyakkkan minum air kosong, its good for health*” dan banyak lagi komen yang menyokong perkongsian saya berkenaan dengan kepentingan air terhadap kehidupan manusia.

Di samping itu, ada juga yang memberikan “likes” tanpa memberi komen. Hal ini secara tidak langsung dapat dilihat bahawa mereka hanya membaca perkongsian saya dan memberikan tanda bersetuju dengan kenyataan yang dikatakan. Saya dapati kebanyakan yang memberi “likes” terhadap status saya adalah dalam kalangan rakan-rakan media sosial iaitu bukan hanya daripada ahli keluarga, rakan-rakan terdekat dan seuniversiti, malah, likes ini juga diberikan daripada orang lain yang menjadi kawan alam maya. Hal ini menunjukkan bahawa mereka juga menunjukkan keperihatinan dan memberikan perhatian terhadap isu kelestarian iaitu mengenai kepentingan air terhadap kehidupan manusia.

Jelaslah ,air sememangnya penting kepada semua hidupan di atas muka bumi ini. Sebagai pendidik, kita sewajarnya mendidik juga masyarakat dengan memberi kesedaran kepada mereka berkenaan dengan isu-isu kelestarian seperti ini. Maka, dikatakan bahawa media sosial seperti facebook ini amatlah berguna sebagai platform kepada pendidik untuk berkongsi maklumat dengan masyarakat. Keadaan ini dikatakan sedemikian disebabkan kini, media sosial dengan masyarakat tidak lagi dapat dipisahkan. Malah, kini menjadi keperluan kepada masyarakat untuk mempunyai media sosial.

BUKTI HANTARAN KEDUA

 **Aina Fatimah** is 😞 feeling worried.
November 27 at 10:40 PM · 🌐

Kalian selesai ke apabila terlalu ramai masyarakat kita yang menghisap vape terutama golongan remaja sekolah? Risaunya, bukan hanya remaja lelaki, malah, remaja perempuan juga tidak lagi aneh dilihat di kedai-kedai makan menghisap vape atau shisha? Masalah bertambah lagi, apabila semakin relax mereka memakai vape itu seperti memakai kad matrik 😞😞😞
😞😞 Terutamanya di kedai kedai makan? Okay ke? Selesa ke? Jadi, wajarkah vape dan shisha ini juga diletakkan di dalam peraturan larangan merokok?!!!!
#dunialestarikamipeduli
#tutorialdraziah1011



VAPE & SHISHA
WAJARKAH DILETAKKAN DI DALAM
PERATURAN LARANGAN MEROKOK?

 **AYSA**
Kementerian Kesihatan Malaysia



**VAPE NANO STICK
DAN SHISHA
TURUT DILARANG
PREMIS MAKANA**

 You, Aisyah Munirah, Luqman Ismail and 30 others · 15 Comments

 Like  Comment  Share

 **Luqman Ismail** Pada pendapat sy.. Perkara ini tidak boleh dibiarkan.. Bahaya Budaya ini prlu dibendung oleh smua pihak
Like · Reply · 1w

 **Asmidar Mohd Tab** Tak selesa.... Mana nilai sopan masyarakat Melayu? Dan bagaimana pula dengan kesihatan orang sekeliling? Budaya ini harus di halang oleh semua pihak.
Like · Reply · 1w

 **Celine Raya** Ya, langkah yg drastik perlu dilaksankn bagi menbendung masalah seperti ini.
Like · Reply · 1w

 **Siti Suraiya** ya, vape dan shisha bukan sahaja memudaratkan diri malah orang sekeliling akan terkena tempas juga
Like · Reply · 1w



3.0 ANALISIS HANTARAN KEDUA

Hantaran kedua saya iaitu pada 27 November 2019 adalah berkenaan dengan isu vape dan shisha yang kini telah menjadi trend kepada masyarakat terutamanya dalam kalangan remaja sekolah lelaki mahupun perempuan. Vape dan shisha ini sangat tidak sihat dan juga mengganggu persekitaran di sekeliling. Malah, mereka juga tidak lagi malu untuk menghisap vape dan shisha ini di kedai makan. Asap-asap yang dikeluarkan membuatkan orang sekeliling tidak berasa selesa terutamanya golongan wanita mengandung dan kanak-kanak. Hantaran kedua saya adalah untuk mendapatkan maklum balas mengenai keselesaan masyarakat dan kewajaran vape dan shisha perlu diletakkan dalam peraturan larangan merokok.

Melalui hantaran kedua, saya telah mendapat maklum balas daripada pengguna media sosial iaitu saya mendapat 33 likes dan 15 komen berkenaan dengan isu ini. Hampir 99% daripada mereka yang memberikan maklum balas terhadap post ini dengan mengatakan bahawa mereka sangat tidak selesa dengan persekitaran yang mengandungi asap-asap vape dan shisha ini. Selain

itu, mereka juga bersetuju sekiranya pihak berkuasa mengenakan tindakan undang-undang kepada mereka yang menghisap vape dan shisha di tempat awam. Buktinya, komen daripada pengguna media sosial iaitu dalam kalangan rakan usm seperti “ *Tindakan perlu diambil untuk membanteras gejala kurang sihat ini. Berdasarkan kajian, orang yang menghidu asap-asap rokok, vape lebih mendatangkan risiko yang lebih berat berbanding orang yang menghisap vape tersebut*” dan “ *langkah drastik perlu dilaksanakan untuk membanteras gejala ini* ”.

Di samping itu, saya juga mendapati bahawa hampir 80% pengguna media sosial menunjukkan reaksi marah dan kurang senang dengan gejala ini. Mereka memberikan komen seperti “ *sangat tidak suka, sepatutnya dah lama benda ini perlu dikekalkan dalam larangan. Bukan tunggu ramai yang mati dulu, baru nak sibuk haramkan* ”, “ *tak selesa, mana nilai sopan masyarakat Melayu? Dan bagaimana pula dengan kesihatan orang sekeliling? Budaya ini harus dihalang oleh semua pihak*”, “ *hanya manusia yang tiada hati sahaja merokok, hisap vape di tempat awam*” dan “ *vape bukan sahaja memberikan kesan negatif kepada diri sendiri, malah, menjejaskan kesihatan orang sekeliling dan alam sekitar* ”. Maklum balas tersebut jelas menunjukkan bahawa mereka tidak selesa dan kurang senang dengan gejala menghisap vape atau shisha ini terutamanya di tempat awam kerana mengganggu persekitaran di sekitarnya.

Jelaslah, gejala menghisap vape dan shisha terutamanya di tempat awam perlulah dibanteras kerana akan menjejaskan alam sekitar dan kehidupan manusia. Pihak yang berkuasa perlu mengambil tindakan yang sewajarnya kepada penghisap-penghisap vape ini demi menjamin kelestarian kehidupan pada masa kini dan masa hadapan. Sebagai seorang pendidik, kita juga bertanggungjawab untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang bahayanya menghisap vape dan shisha. Maka, media sosial adalah satu platform yang amat berguna untuk

digunakan bagi memberikan kesedaran kepada masyarakat dan membuat perkongsian maklumat untuk menunjukkan keperihatian kepada masyarakat.

4.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, semua orang bertanggungjawab untuk membuat perkongsian mengenai isu-isu kelestarian dan memberikan kesedaran kepada masyarakat terutamanya dalam kalangan pendidik. Kita perlulah menunjukkan keprihatinan dan membantu masyarakat untuk memperoleh kesedaran berkenaan dengan isu-isu kelestarian alam sekitar. Sudah terang lagi bersuluh, laman media sosial seperti facebook, Instagram, twitter dan lain-lain laman sosial merupakan suatu platform yang sangat berguna dan penting untuk berkongsi maklumat yang bermanfaat terutamanya berkenaan dengan isu-isu kelestarian alam sekitar.